

**KAJIAN TEKNIK-TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG
BAGI SUKU KAUM ETNIK RUNGUS DI KG SUMANGKAP MATUNGGONG,
KUDAT SABAH.**

FRENIGESOL MUKOI

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KEILANTAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024



**KAJIAN TEKNIK-TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG
BAGI SUKU KAUM ETNIK RUNGUS DI KG SUMANGKAP MATUNGGONG,
KUDAT SABAH.**

FRENIGESOL MUKOI

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN


2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmii 1972)*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Frenigesol Mukoi

000129120119

Tarikh: 24 Februari 2024

Tandatangan Penyelia Utama

Prof, Madya Khairil Anwar

Dean Bin Kamarudin

Tarikh: 24 Februari 2024

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PERHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana telah banyak memberi kebijaksanaan dan kesihatan yang baik kepada saya dalam menjayakan kerja kursus pengajian am ini disiapkan dengan cemerlang dalam masa yang ditetapkan.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada kedua-dua ibubapa yang saya cintai kerana banyak membantu saya sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini. Bimbingan dan dorongan mereka telah banyak menyumbang kepada saya dari segi pendapat, kewangan, doa dan lain-lain lagi yang saya tidak akan lupakan. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga saya yang lain kerana telah banyak membantu saya dalam menjayakan projek penyelidikan dari awal hingga akhir.

Tiada kata dan madah yang dapat menggambarkan rasa terhutang budi kepada pensyarah kesayangan saya dalam projek penyelidikan ini kerana terlalu banyak memberi tunjuk ajar sepanjang kerja kursus ini dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan atas bantuan yang diberikan kepada Prof Madya Khairil Anwar Dean.

Dalam usaha menyiapkan Projek Penyelidikan (PP), pelbagai kajian telah dibuat di Kawasan pilihan iaitu di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya dalam Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, penggiat seni iaitu Encik Ronny Mouri dan penduduk Kampung Sumangkap dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan.

ABSTRAK

Alat muzik tradisional “Gong” merupakan alat muzik tradisional bagi suku kaum etnik Kadazan, Dusun dan Rungus di Sabah. Di mana, kebanyakkan hasil pembuatan alat muzik gong ini terdapat di bahagian kawasan Utara Borneo Sabah seperti Kudat, Kota Marudu, Kota Belud, dan Pitas. Keistimewaan alat muzik tradisional ini adalah sering dimainkan semasa mengiringi sebuah persembahan tarian tradisi di Sabah, contohnya Tarian Sumazau dan Tarian Rungus. Hal ini kerana, alat muzik tradisi gong merupakan alat muzik tradisional yang pertama dibuat dan dimainkan oleh penduduk tempatan di Sabah. Kajian ini membincangkan tentang sejarah alat muzik tradisional Gong, bagaimanakah proses pembuatan alat muzik tradisional Gong, dan mengetahui repotoire jenis-jenis lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik tradisional Gong dalam suku kaum etnik Rungus di Matunggong Kudat, Sabah?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

The traditional musical instrument "Gong" is a traditional musical instrument for the Kadazan, Dusun and Rungus ethnic tribes in Sabah. Where, most of the production of this gong musical instrument is found in parts of North Borneo Sabah such as Kudat, Kota Marudu, Kota Belud, and Pitas. The specialty of this traditional musical instrument is that it is often played while accompanying a traditional dance performance in Sabah, for example the Sumazau Dance and the Rungus Dance. This is because, the traditional musical instrument gong is the first traditional musical instrument made and played by the local people in Sabah. This study discusses the history of the traditional musical instrument Gong, how is the process of making the traditional musical instrument Gong, and knowing the repertoire of the types of songs played using the traditional musical instrument Gong in the Rungus ethnic tribe in Matunggong Kudat, Sabah?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS	
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	

BAB 1: PENDAHULUAN	MUKA SURAT
1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Latar Belakang Kajian	2-4
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Penutup	9

BAB 2: SOROTAN KAJIAN	MUKA SURAT
2.0 Pengenalan	10
2.1 Sorotan Kajian Lepas	11
2.2.1 Warisan Ketara Dan Tidak Ketara	11
2.2.2 Jenis-Jenis Alat Muzik Tradisional	12-15
2.2.3 Sejarah Alat Muzik Tradisional	16
2.2.4 Teknik Pembuatan Alat muzik Tradisional Gong	16-17
2.2.5 Jenis Bunyi Alat Muzik Tradisional Gong	18
2.2.6 Kerangka Teori	19
2.3 Kesimpulan	19

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	MUKA SURAT
3.0 Pengenalan	20
3.1 Pendekatan	20
3.2 Kaedah Kajian	21
3.2.1 Kaedah Kualitatif	21
3.3 Teknik Pengumpulan Data	22
3.3.1 Data Primer	22
3.3.2 Data Sekunder	22-23
3.4 Pensampelan	23
3.5 Teknik Analisis	23
3.6 Penutup	24

BAB 4: DAPATAN KAJIAN	MUKA SURAT
4.1 Pengenalan	25
4.2 Analisis Kajian	25
4.3 Sejarah Alat Muzik Tradisional Gong	26
4.3.1 Sejarah	26-29
4.4 Proses Teknik Pembuatan Alat Muzik Tradisional Gong Dalam Kalangan Suku Kaum Etnik Rungus di Matunggong Kudat, Sabah.	30
4.4.1 Proses Teknik Pembuatan Alat Muzik Tradisional Gong.	30-33
4.5 Mengetahui Repertoire Jenis-Jenis Lagu Yang Dimainkan Dengan Menggunakan Alat Muzik Gong Dalam Kalangan Etnik Rungus di Matunggong Kudat, Sabah.	34
4.5.1 Jenis Repertoire Notasi Lagu Alat Muzik Gong yang Dimainkan Oleh Suku Kaum Etnik Rungus.	34-37

BAB 5: RUMUSAN	MUKA SURAT
5.1 Perbincangan	38
5.2 Batasan Kajian	38
5.3 Cadangan	39
5.3.1 Pendokumentasian	39-41
5.3.2 Program Perkongsian Ilmu	42-43
5.3.3 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	44-45
5.4 Rumusan	46

RUJUKAN	
	47-49
Lampiran A	50-51
Lampiran B	52-55

UNIVERSITI
 ——————
MALAYSIA
 ——————
KELANTAN

BAB 1: PENDAHULUAN

KAJIAN TEKNIK-TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG BAGI SUKU KAUM ETNIK RUNGUS DI KG SUMANGKAP MATUNGGONG, KUDAT SABAH.

1.0 PENGENALAN

Negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang cukup terkenal dengan julukan negeri di Bawah Bayu. Ia merupakan negeri di Malaysia yang terletak di bahagian utara Borneo di bahagian wilayah Malaysia Timur. Negeri Sabah juga terkenal akan kepelbagaiannya dan keindahan sumber alam semula jadi yang diwartakan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, Sabah juga tidak ketinggalan akan pusat pelancongan yang begitu banyak serta menarik untuk diterokai, malahan kepelbagaiannya adat tradisi pemakanan dan alat muzik tradisional dalam suku kaum etnik Sabah juga turut memberi sumbangan besar kepada mutu ekonomi kepada tanah air di Sabah. Jika dilihat, alat muzik tradisional di Sabah mempunyai pola corak kehidupan yang berkait rapat dengan jenis alat muzik tradisional yang mereka miliki. Sehingga kini, alat muzik tradisional di Sabah masih digunakan serta dikembangkan oleh kalangan masyarakat tempatan. Buktinya, ketika ada majlis keramaian, majlis rasmi serta perkahwinan masih mengamalkan alat muzik tradisional ini. Salah satu etnik penggiat utama dalam memartabatkan seni alat muzik tradisional di dalam negeri Sabah adalah suku kaum Rungus. Suku kaum Rungus ini boleh dikatakan masyarakat tempatan dalam kategori manoriti dalam populasi penduduk di Sabah. Maka, kajian ini akan memfokuskan kepada alat muzik tradisional yang terdapat dalam suku kaum Rungus di Sabah. Tajuk kajian yang pengkaji jalankan ialah kajian tentang Teknik-Teknik Pembuatan Alat Muzik Dalam Kalangan Suku Kaum Rungus di Motunggong Kudat, Sabah. Kajian ini ini dijalankan bertujuan untuk mengumpul maklumat data mengenai masyarakat Rungus tentang sejarah alat muzik tradisional Gong, bagaimana proses pembuatan alat muzik tradisional Gong ini dilakukan, serta ingin mengetahui repertoire jenis lagu-lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum Rungus Matunggong, Kudat Sabah. Itu sebab, perkara tersebut telah menjadikan pencetus kepada pengkaji melakukan penyelidikan kajian ini. Di mana, sejarah dan asal usul alat muzik tradisi Gong ini, tidak semua masyarakat tempatan mengetahui kewujudan alat tradisi secara terperinci, malahan mereka lebih menggemari alat muzik moden pada sekarang.

Dengan itu, kajian ini akan menumpukan kepada golongan masyarakat khusus generasi sekarang yang tidak mengenali asal usul pembuatan alat muzik tradisional Gong ini. Seterusnya, kajian akan memfokuskan aspek pemprosesan pembuatan alat muzik Gong ini. Hal ini kerana, banyak masyarakat hanya tahu memainkan alat muzik tradisi ini, namun tidak tahu bagaimana hendak membuatnya. Maka, diharapkan penyelidikan kajian ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat kini termasuk pengkaji sendiri. Akhir sekali, untuk mengetahui repertoire jenis lagu-lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum Rungus Matunggong, Kudat Sabah. Ini bertujuan untuk mendapatkan pengumpulan maklumat data-data lagu-lagu nostalgia rakyat tempatan dengan lebih terperinci dengan menggunakan alat muzik tradisional Gong di Sabah.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sabah merupakan sebuah negeri simbolik dengan Gunung Kinabalu yang telah diberi gelaran bumi di Bawah Bayu. Negeri Sabah ini terletak di bahagian utara Borneo wilayah Malaysia Timur. Selain itu, negeri Sabah juga cukup terkenal akan kepelbagaian keunikan dan keindahan sumber alam semula jadi yang diwartakan sepenuhnya. Apa yang menarik, negeri Sabah juga tidak ketinggalan dengan Pusat Pelancongan Kebudayaan yang begitu banyak serta menarik untuk diterokai. Malahan, kepelbagaian adat tradisi pemakanan dan alat muzik tradisional dalam suku kaum etnik Sabah juga turut memberi sumbangan besar kepada mutu ekonomi kepada tanah air di Sabah. Diketahui bahawa jenis alat muzik tradisional yang dimiliki bagi setiap suku kaum etnik di Sabah berkait rapat dengan pola corak kehidupan mereka pada masa dahulu sehingga kini. Buktinya, ketika ada majlis keramaian, majlis rasmi serta perkahwinan masih mengamalkan alat muzik tradisional ini. Salah satu suku kaum etnik yang tergolong adalah suku kaum etnik Rungus di Sabah. Walaupun, penduduk tempatan suku kaum etnik Rungus ini dikategorikan sebagai sebuah masyarakat minoriti, namun sumbangan mereka dalam ekonomi Pusat kebudayaan sangat besar dan sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Di mana, sumber sumbangan mereka yang paling ketara adalah Pusat Kebudayaan alat muzik tradisional Gong yang terdapat di daerah Matunggong, Kudat Sabah. Kajian penyelidikan ini juga akan ditumpukan kepada suku kaum etnik Rungus di Sabah, kerana pengkaji sendiri tertarik dengan keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada alat muzik tradisional mereka khusus alat muzik tradisional Gong.

Menurut Roland Anthony Pereira, 2017 menyatakan bahawa latar belakang muzik tradisional gong biasanya dimainkan semasa majlis-majlis keramaian atau majlis rasmi di Sabah. Alat muzik tradisi Gong atau “Tagung” adalah salah satu alat muzik tradisional yang cukup terkenal dalam negeri Sabah. Di sini, terdapat pernyataan bahawa alat muzik tradisi gong dimainkan oleh suku kaum Kadazan-Dusun, namun ia juga dimainkan oleh suku kaum etnik yang lain khususnya suku kaum etnik Rungus. Gong ini biasanya akan dibuat menggunakan bahan keras seperti besi dan tembaga. Jumlah gong yang biasanya digunakan dan dimainkan ketika keramaian adalah terdiri daripada 7 buah.

Sejarah mengatakan bahawa alat muzik tradisi Gong ini adalah berasal daripada negara China. Di mana, negara China menggunakan Gong ini untuk sebagai alat muzik dalam pelbagai aktiviti acara seperti membuat pengumuman, berkomunikasi, membuat muzik, mengiringi peristiwa hidup, sebagai penyembuhan dan sebagainya. Di samping itu, selama berabad-abad gong ini telah menjadi elemen utama dalam sesbuah acara perayaan, mengiringi persembahan lagu atau teater dan dalam aktiviti perkebumian. Alat muzik Gong ini telah dijadikan sebuah instrumen yang bernilai harganya dalam masyarakat kuno di Negara China dan Myanmar sehingga keseluruhan masyarakat Asian. Sekitar abad 1790, alat muzik tradisi Gong ini telah dibawah ke Eropah dan hampir sama dalam kegunaan kumpulan pemuzik dalam mengiringi kumpulan orkestra. Penyataan sejarah juga mencatatkan bahawa alat muzik Gong berkembang hingga ke negeri Sabah. Malahan, alat muzik Gong juga merupakan alat muzik yang pertama dibuat oleh masyarakat dahulu sebagai alat muzik semasa mengiringi perayaan, simbol bunyi peperangan, perkebumian serta sebagai simbolik identiti bagi setiap suku kaum etnik di Sabah. Sekitar awal tahun 1990, Etnik Rungus di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat telah berjinak-jinak dalam kegiatan pembuatan alat muzik Gong ini. Akan tetapi, kini pusat pembuatan alat muzik di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat telah dijadikan sebuah pusat Industri Kecil Sederhana (IKS) bagi negeri Sabah. Pusat ini juga telah menghasilkan begitu banyak bentuk, saiz, corak yang sangat indah dalam alat muzik Gong ini sehingga membuatkan para pelancong yang datang ke pusat industri tertarik akan pusat pembuatan Gong ini. Dengan itu, betullah apa yang dikatakan oleh seorang ilmuan daripada China dalam pembuatan alat muzik Gong, mengatakan bahawa hanya orang yang berkemahiran tinggi serta telah direstui secara semulajadi oleh semangat Gong ini boleh

dihadarkan secara sempurna. Hal ini juga telah menjadikan seorang pembuat daripada suku kaum Etnik Rungus di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat telah mengilhamkan keseluruhan ilmuan pembuatan daripada nenek moyang mereka sehingga semangat semulajadi penghasilan Gong telah timbul didalam dirinya.

Kini, alat muzik tradisi Gong telah banyak membantu mereka dalam mengeluarkan masyarakat keluar daripada kepompong kemiskinan serta ianya selalu dimainkan ketika ada majlis-majlis rasmi, persembahan kebudayaan, perkahwinan atau pertunangan dan sesetengah masyarakat bermain alat muzik ini untuk diajarkan kepada generasi muda pada masa sekarang.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Peningkatan jumlah rancangan dokumentari pada masa kini menunjukkan bahawa rakyat di Sabah sudah mula menggemari rancangan yang berbentuk fakta yang banyak beraspekkan masalah sosial masyarakat dan merungkai pelbagai masalah politik negara. Seperti mana yang terjadi kini, alat muzik tradisional gong menjadi isu permasalahan yang besar disebabkan ia semakin lama semakin tidak dikenali oleh masyarakat kini. Salah satu isu yang sangat diperkatakan adalah isu kurang minat dalam segelintir anak muda pada masa kini merupakan penyebab kepada kejatuhan dan penurunan kegiatan memainkan alat muzik tradisional gong ini. Isu ini juga sangat diperkatakan di media sosial, majalah, berita serta golongan masyarakat sekeliling.

Penggunaan digital tanpa sempadan juga telah menjadikan generasi sekarang lalai akan keberadaan alat muzik tradisional Gong ini. Faktor ini mengakibatkan terjadinya segelintir golongan masyarakat lebih berminat untuk mengakses dunia digital berbanding dunia hiburan tradisional. Perkara ini sudah dibuktikan, di mana terdapat ibubapa yang kurang mengalakkan anak mereka untuk membawa ke pusat-pusat alat muzik tradisional yang berdekatan. Hal ini menyebabkan anak mereka tidak dapat membuka mata untuk mengetahui kehidupan sebenarnya nenek moyang mereka pada waktu ketika dahulu.

Sehubungan dengan itu, menurut artikel Berita Harian (BH) *online* menyatakan bahawa terdapat seorang penggiat seni pembuatan alat muzik tradisional gong iaitu Puan Rohana selaku pembuat utama alat muzik gong juga telah mengatakan “*Bukan semua orang mampu melakukan terutama dalam kalangan generasi muda yang kurang berminat mempelajari atau mencbury bidang pembuatan*”. Ini menyebabkan kesukaran yang besar kepada mereka dalam mewarisi ilmu pembuatan alat muzik gong kepada masayarakat terutamanya generasi kini.

Maka dengan itu, pengkaji akan membuat penyelidikan kajian ini dengan sesungguhnya dengan lebih terperinci agar alat muzik tradisional Gong ini akan dikenali masyarakat tempatan atau masyarakat luar negara.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan dalam kajian ini, antarnya :

- i. Apakah sejarah alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum etnik Rungus di Kg, Sumangkap Matunggong Kudat, Sabah?
- ii. Bagaimanakah proses pembuatan alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum etnik Rungus di Kg, Sumangkap Matunggong Kudat, Sabah?
- iii. Adakah repotoire jenis-jenis lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum etnik Rungus di Kg, Sumangkap Matunggong Kudat, Sabah?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan tiga objektif kajian yang dijadikan perbincangan dalam teknik pembuatan alat muzik. Antaranya ialah:

- i. Mengenalpasti sejarah alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum etnik Rungus di Kg, Sumangkap Matunggong Kudat, Sabah.
- ii. Menghuraikan proses teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum etnik Rungus di Kg, Sumangkap Matunggong Kudat, Sabah.
- iii. Mengetahui repertoire jenis-jenis lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik Gong bagi etnik Rungus di Kg, Sumangkap Matunggong Kudat, Sabah.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini akan lebih tertumpu di kawasan Matunggong Kudat dalam kalangan etnik Rungus. Hal ini kerana, bertujuan untuk mengelakkan berlakunya daripada permasalahan yang dalam membuat kajian. Kajian yang telah dilakukan adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh beberapa orang responden. Sehubungan dengan itu, kajian yang dipilih ialah kajian mengenai teknik pembuatan alat muzik Gong dalam kalangan etnik Rungus di Matunggong Kudat, Sabah. Dalam kajian ini, pengkaji juga hanya memfokuskan sejarah alat muzik tradisional Gong sahaja terutama dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong Kudat. Ini kerana, masih terdapat golongan masyarakat yang kurang mengetahui sejarah dan asal usul alat muzik tradisional Gong ini.



Rajah 1: Map lokasi Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah

Sumber: Kajian Pencarian Laman Web 2023

Selain itu, kajian ini juga dilakukan bagi bertujuan untuk mengetahui bagaimana proses pembuatan alat muzik tradisional Gong yang dibuat oleh masyarakat Rungus di Matunggong Kudat, Sabah. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengetahui repertoire jenis-jenis lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik Gong dalam kalangan etnik Rungus di Motunggong Kudat, Sabah.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian merupakan salah satu perkara yang penting untuk diketahui dan diletakkan dalam sesebuah kajian penyelidikan. Hal ini kerana, pada akhir hasil kajian ini, kita akan mengetahui penghasilan teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong ini dalam kalangan etnik Rungus di Matunggong Kudat, Sabah. Malahan, tujuan kajian dilakukan adalah untuk memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat di luar sana dengan kepentingan mewariskan alat muzik tradisional Gong kepada kita. Hal ini disebabkan penglibatan golongan anak muda terhadap alat muzik tradisional tempatan sangat kurang memberangsangkan, sekaligus menyebabkan tiadanya nilai kesenian dalam diri untuk mewariskan hasil peninggalan nenek moyang mereka.

Kajian ini juga akan memberi kepentingan kepada pengkaji sendiri untuk mengetahui bagaimana teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong ini dilakukan. Ini kerana, pengkaji akan dapat mengetahui alat muzik tradisional Gong ini lebih terperinci dari segi kaedah pembuatannya, bahan yang digunakan dan bagaimana penghasilan bunyi yang betul dalam ilmu permainan alat muzik Gong ini. Di samping itu, masyarakat luar akan lebih mengenali keberadaannya pusat industri penghasilan alat muzik tradisional Gong yang terdapat dalam kalangan masyarakat di Matunggong Kudat, Sabah. Tambahan pula, negeri Sabah juga akan terkenal dengan keunikan dan keistimewaan dengan alat muzik tradisionalnya sendiri.

1.7 PENUTUP

Dalam bab ini menjelaskan kajian penyelidikan awal yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada hubung kait penghasilan teknik pembuatan alat muzik Gong dalam kalangan Rungus di Matunggong Kudat, Sabah. Oleh itu, berharap kajian ini boleh dijadikan sumber panduan dan teladan kepada generasi anak muda yang sesungguhnya berminat untuk meneruskan kajian penyelidikan ini.

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Soroton kajian atau lebih dikenali sebagai “*Literature Review*” merupakan sebuah komponen yang sangat penting dalam sesuatu kajian prosedur akademik penyelidikan di peringkat Universiti. Soroton kajian ini juga melibatkan kepada proses peninjauan dan kajian tentang sumber-sumber literature berkaitan dengan topik utama kajian yang sedang dijalankan kajian. Sehubungan dengan itu, melalui soroton kajian ini lah, pengkaji akan dapat memperolehi keuntungan besar dalam suatu penyelidikannya serta pengkaji dapat memahami secara terperinci perkembangan terkini bidang yang dikaji sesuai dengan rumusan kajian yang dilakukan.

Menurut Fink (1998), menyatakan bahawa soroton kajian ini merupakan suatu rujukan secara penelitian yang sistematis dan jelas untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji. Oleh sebab itu, soroton kajian ini amatlah diperlukan oleh pengkaji bagi mendapatkan data-data yang tepat dan lengkap dalam sumber penyelidikan mereka serta maklumat yang disampaikan adalah jelas.

Selain itu, soroton kajian ini dapat menyediakan idea dan hala tuju yang tepat mengenai tujuan utama penyelidikan yang akan dilakukan. Tambahan pula, ia juga mampu membantu pengkaji dalam menghasilkan dapatan kajian yang lengkap untuk mencapai topik kajian yang berkaitan. Pengkaji juga perlulah bijak memahami ilmiah-ilmiah yang telah disediakan di mana-mana sumber rujukan agar dapat memperkembangkan kerangka penulisan konseptual metodologi sesuai dengan kajian. Di samping itu, menurut Tanczer (2021), soroton literature adalah satu penulisan yang bersifat kritikal dan analitikal yang berkaitan dengan kajian sedia ada tentang satu-satu topik. Dengan itu, secara tidak langsung pengkaji dapat memperolehi sebuah hasil kajian yang tepat dan sesuatu dijadikan sumber rujukan kepada semua pihak.

2.1 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.2.1 WARISAN KETARA DAN TIDAK KETARA

Definisi warisan tidak ketara ini adalah warisan kebudayaan ketara yang bermaksud kepada sesuatu benda yang tetap dan tidak akan bergerak sendiri. Hal ini kerana, ia merupakan sesuatu tindakan aktiviti yang dilakukan oleh manusia yang digunakan untuk kegiatan ekonomi dan sosial semasa usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia. Di mana, warisan ini adalah sangat bernilai dari segi seni bina serta ia sangat bertetapan dengan pembuatan alat muzik tradisional Gong ini disebabkan ia adalah hasil daripada seni tindakan aktiviti yang dilakukan oleh manusia.

Dalam pada itu, warisan tidak ketara ini pula adalah elemen kepada mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, lagu yang dihasilkan muzik, not-not, lirik boleh didengari, nyanyian lagu rakyat, tradisi lisan, tarian dan sebagainya yang dihasilkan melalui seni pentas persembahan penggubahan bunyian dan muzik, teater persembahan, seni mempertahankan diri. Sehubungan dengan itu, warisan ini juga adalah wujud atau berhubung dengan warisan dalam Malaysia. Dengan itu, ianya sangat berkaitan dengan penyelidikan kajian pengkaji yang di mana, ia adalah kajian berdasarkan kepada elemen-elemen unsur seni tradisi yang ditinggalkan secara turun-temurun.

Mengkaji kajian lepas (6 Jun 2013), pakar ahli dalam menghasilkan alat muzik Gong ini telah membuat sebuah artikel yang berdasarkan kepada ilmuan alat muzik tradisional Rungus. Mengatakan bahawa Gong adalah sangat suci bagi suku kaum Rungus sehingga barang Gong ini sangat bernilai seninya. Gong ini dianggap sebagai harta tidak ternilai yang menjadikan warisan kepada sesebuah keluarga sehingga ke generasi seterusnya. Dengan itu, sudah dipastikan bahawa alat muzik tradisional Gong ini adalah sebuah warisan yang bergabungan antara ketara dan tidak ketara. Ini kerana, ianya sangat bersinonim dengan definisi warisan ketara dan tidak ketara dalam alat muzik Gong ini. Bermula daripada tindakan aktiviti yang dilakukan oleh manusia sehingga ke elemen unsur tradisi lisan dalam warisan tidak ketara.

2.2.2 JENIS-JENIS ALAT MUZIK TRADISIONAL

Sejarah mengatakan bahawa terlalu banyak jenis-jenis alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia. Di mana, bermula daripada jenis-jenis alat muzik tradisional bagi orang-orang Melayu semenanjung hingga ke seberang Borneo. Dengan itu, pengkaji akan meninjau kesemua hasil kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini dalam jenis-jenis alat muzik tradisional. Namun, hanya beberapa sahaja alat muzik tradisional yang akan dibahas disebabkan ingin memperkenalkan beberapa alat muzik tradisional yang sangat popular digunakan sama ada dalam perayaan mahupun aktiviti harian.

Mengikut Namri Sidek (2019), mengatakan bahawa adat dan budaya masyarakat Melayu mempunyai unsur-unsur kesenian yang sangat tinggi nilainya. Hal ini kerana, ianya hanya dapat didapati dalam warisan instrumen-instrumen muzik pada masyarakat Melayu Malaysia. Kesemua alat muzik tradisi ini mempunyai nilai dan fungsinya tersendiri untuk dijadikan sebuah persembahan ensemبل. Antara alat muzik tradisionalnya adalah alat muzik tradisional Kompang. Beliau mengatakan bahawa alat muzik Kompang ini adalah sejenis peralatan alat muzik yang sangat popular walaupun zaman sekarang. Hal ini kerana, alat muzik Kompang ini merupakan salah satu yang sangat penting semasa mengiringi sebuah majlis besar-besaran, perayaan besar-besaran, serta keutamaan kepada adat istiadat majlis perkahwinan. Namun, ia bukan sahaja dimainkan oleh masyarakat semenanjung Malaysia, tetapi juga dimainkan oleh masyarakat di bahagian North Borneo semasa majlis-majlis perayaan dan perkahwinan dilakukan.

Selain itu, alat muzik tradisional Gendang. Alat muzik gendang ini merupakan sebuah alat muzik yang kerap dimainkan oleh masyarakat melayu. Gendang ini berperanan besar dalam seni dan budaya bagi masyarakat melayu. Gendang tertua yang pernah ditemui adalah dikawasan sekitar Borobodur pada abad ke-9. Dari segi unsur pembuatannya pula, ianya memerlukan rangka kayu kukuh sama ada pokok nangka, kelapa atau cempedak serta dicantumkan dengan bahan kulit kerbau bagi untuk mendapatkan bunyi yang padu atau kuat, manakala untuk mendapatkan bunyi nyaring, ia haruslah menggunakan kulit kambing.

Gendang ini berperanan sebagai salah satu instrumen paling penting dalam persesembahan gamelan.

Di samping itu, alat muzik tradisional Serunai. Alat muzik serunai ini adalah komponen penting untuk menghasilkan bunyi-bunyian yang amat mudah untuk dikenyaringankan. Memang tidak dinafikan bahawa alat muzik tradisi serunai ini dipersembahkan semasa mengiringi persesembahan seni silat, upacara wayang kulit, serta majlis-majlis perkahwinan. Dipercayai, alat muzik tradisional serunai ini adalah berasal daripada masyarakat Minang yang datang dari Sumatera Barat. Penghasilannya sangatlah mudah, kerana ia boleh diperbuat dengan bermacam jenis sumber bahan seperti batang padi, kayu, buluh, tanduk, kerbau atau daun kelapa. Memang orang memainkan ini boleh dikatakan sangat profesional kerana memerlukan nafas yang sangat panjang dalam meniupnya.

Bagi alat muzik tradisional terakhir yang dikategorikan kepada yang sangat popular dalam masyarakat Melayu Malaysia adalah alat muzik tradisional Gong. Mengikut penyampaian beliau dalam artikelnya, peralatan muzik Gong ini adalah alat muzik yang tersenarai yang paling tua serta dikatakan yang paling meluas daripada alat-alat muzik yang lain. Hal ini dibuktikan bahawa sekitar tamadun China alat muzik Gong ini sudah dimainkan dan dihasilkan. Apa yang menarik, orang-orang Asia yang pertama menciptakan alat muzik Gong. Dipercayai juga bahawa, sekitar tahun 500 sebelum masihi lagi alat muzik Gong ini diciptakan oleh masyarakat-masyarakat China. Penghasilan gong ini kerap menggunakan bahan utama logam atau gangsa yang ditempa dengan tangan. Bagi mengenalpasti bunyi yang dihasilkan berbeza adalah logam seperti perak, emas, dan timah. Manakala, tembaga pula ianya diadunkan ke dalam gangsa untuk mendapatkan bunyian yang lebih lembut dan indah untuk didengari. Dengan itu, alat muzik Gong ini memang tidak asing lagi dalam kehidupan peredaran zaman ke zaman.

Manakala, bagi jenis-jenis alat muzik tradisional yang terdapat di bahagian Borneo pula yang dikategorikan sangat popular dimainkan dan persesembahkan peringkat antarabangsa adalah alat muzik Sape, Gong, Kulintagan, Sompoton, serta Seruling. Kesemua alat tradisi ini adalah alat yang kerap disebut serta diperkenalkan orang masyarakat-masyarakat Borneo ke

luar negara sehingga alat-alat muzik ini merupakan induk kepada pembelajaran di peringkat sekolah menengah sekaligus peringkat ijazah.

Menurut Intan Mas Ayu Shaimi menerusi *MyMetro* mengatakan bahawa alat muzik tradisional *Sape* ini merupakan sebuah alat muzik tradisional yang mencerminkan identiti bagi budaya suku kaum di Borneo. Beliau juga mengatakan bahawa alat muzik *Sape* ini adalah sangat jarang didengari orang segelintir masyarakat. Apa yang menarik akan alat muzik *sape* ini, ia dihasilkan oleh suku kaum masyarakat Kayan dan Kenyah pada waktu dahulu sehingga ia berkembang ke suku kaum etnik lain di Sarawak seperti suku kaum Iban. Sehubungan dengan itu, alat muzik *Sape* ini kerap dilihat dalam kalangan peminat muzik kontempori dan sering dimainkan semasa mengiringi acara rasmi serta majlis-majlis penting.

Menerusi kajian lepas dalam artikel Sabah Creative Economy And Innovation Centre mengatakan bahawa alat muzik tradisional *Gong* adalah alat muzik tradisional yang paling popular dikenali oleh rakyat tempatan di Sabah. Ini kerana, alat muzik *Gong* sememangnya kerap dimainkan di mana-mana aktiviti kegiatan majlis-majlis keramaian serta perayaan yang besar seperti perayaan Pesta Kaaamatan. Alat muzik *Gong* ini biasanya dipalukan dengan pukulan yang berbeza-beza mengikut daerah atau kawasan masing-masing. Selain itu, mengikut suku kaum Kadazan-Dusun, alat muzik *Gong* ini dipanggil dengan nama *Tagung* yang diperbuat daripada bahan keras seperti besi dan tembaga. Namun, bagi suku kaum Rungus pula memanggil alat muzik tradisi *Gong* ini adalah *Mitagung*. Kajian lepas yang dibuat menerusi ini menerangkan bahawa alat muzik *Gong* ini dihasilkan dengan menggunakan bahan tembaga yang dipanaskan dan dicairkan terlebih dahulu dan kemudiannya dimasukkan ke dalam bekas atau acuan gong untuk bertujuan ia mengeras dan membeku sehingga menjadi sebuah alat muzik tradisional *Gong* yang sempurna.

Di samping itu, dalam pengertian kajian tentang alat muzik tradisional *Sompoton* ini merupakan alat muzik yang tergolong dalam kategori erofon atau lebih dikenali sebagai *organ mouth*. Apa yang menarik akan alat muzik *Sompoton* ini, alat muzik *Sompoton* tidak mengeluarkan bunyi tetapi sebaliknya berfungsi untuk menyeimbangkan kedudukan bentuk alat tersebut. Semasa memainkan alat muzik *Sompoton* ini biasanya pemain akan menutup dan

membuka tiga daripada empat paip terpendek pada hujungnya dengan menggunakan tiga jari kanan dan tiga lubang kecil. Selain itu, bagi bahagian paip hadapan dan belakang ia biasanya lebih panjang dengan jari tangan kiri. Alat muzik Sompoton ini berperanan dalam mengiringi persembahan tarian atau boleh dimainkan sebagai persembahan solo serta digunakan untuk rakaman dalam studio. Namun, ia lebih dipersembahkan semasa perayaan Pesta Kaamatan di Sabah.

Menurut artikel yang dihasilkan oleh Chong Cheng Yang mengatakan bahawa alat muzik tradisional Kulintangan ini pada mula diperkenalkan di barat Sabah oleh suku kaum Brunei, namun ianya secara langsung dimainkan oleh suku kaum Kadazan Dusun dan suku kaum Bajau. Alat muzik Kulintangan ini dilengkapi dengan 8 atau 9 gong-gong cerek yang kecil. Kesetiap gong tersebut akan mengeluarkan bunyi-bunyian yang berbeza apabila dipalukan. Lazimnya, gong-gong cerek ini akan disusunkan dalam satu barisan yang akan diletakkan di atas sebuah rangka kayu rendah yang sudah dibentuk sebagai tempat peletakkan khusus gong-gong cerek. Alat muzik Kulintangan ini sangat penting dalam memainkan sebuah majlis-majlis dan perayaan seperti majlis perkahwinan, upacara keagamaan serta perayaan Pesta Kaamatan di Sabah.

Bagi alat muzik tradisional *Seruling* ini, ia lebih dikenali dengan nama “Suling” dalam masyarakat di negeri Sabah. Alat muzik Seruling ini merupakan diantara salah satu alat muzik yang dikategorikan popular dikalangan masyarakat Sabah terutamanya dari suku kaum Kadazan-Dusun. Dalam penghasilan alat muzik Seruling dalam negeri Sabah, ia biasanya diperbuat daripada buluh bambu yang bersaiz kecil dan terdapat sesetengah masyarakat membuat seruling ini dengan menggunakan batang paip. Namun, rentak dan bunyi yang dihasilkan adalah lebih kurang sama sahaja. Menurut Recquel Raimi, terdapat pertandingan yang berdasarkan kepada alat muzik tradisional seruling dan dinamakan program tersebut adalah *Battle of the Bamboo Bands 2017* yang menyaksikan kesemua peserta haruslah menggunakan alat-alat yang diperbuat daripada buluh atau bambu. Dengan itu, kajian lepas dalam artikel mengatakan bukti yang kukuh bahawa alat muzik Seruling sangat popular dimainkan oleh masyarakat di Sabah.

2.2.3 SEJARAH ALAT MUZIK TRADISIONAL

Alat muzik traditional merujuk kepada sebuah lambang warisan budaya identiti bagi setiap kaum dan etnik dalam sesuatu budaya atau kawasan tertentu. Alat muzik tradisional ini diwujudkan sejak zaman kolonial atau dahulu yang telah diturun kepada generasi ke generasi. Kepelbagaiannya jenis alat muzik tradisional yang unik dan istimewa adalah sebuah satu rumpun yang begitu menarik untuk diterokai sebagai sumber pengetahuan umum kita. Menurut ahli pakar Sedyawati (1992: 23), musik tradisional ini merupakan muzik yang digunakan sebagai perwujudan dan nilai budaya yang sesuai dengan tradisi. Manakala, menurut Tumbijo (1977: 13), alat muzik tradisional ini adalah sebuah seni budaya yang sejak lama telah diturun kepada nenek moyang generasi mereka secara peninggalan sama ada ketara atau tidak ketara serta ia berkembang pada daerah tertentu. Istilah ini telah dicatatkan oleh para pakar muzik, ahli etnomuzikologi dan pengkaji budaya untuk menggambarkan kepada alat-alat muzik yang diwarisikan serta bertujuan untuk mengekalkan keaslian konteks budaya tradisional. Sehubungan dengan itu, alat muzik tradisional ini memainkan peranan penting dalam struktur aspek memperkenalkan nilai muzik tradisi sebagai podium terhadap erti nilai budaya, sejarah, dan identiti masyarakat tertentu. Dengan itu, para ahli penyelidik dalam bidang muzikologi ini kerap menganalisis dokumentari alat-alat muzik tradisional dari pelbagai budaya di seluruh dunia.

2.2.4 TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG

Pengkaji telah membuat beberapa pencarian sumber rujukan yang berkaitan dengan kajian-kajian pengkaji yang terdahulu sebagai dijadikan bahan maklumat penting dalam kajian literature. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, untuk meneliti dan meninjau kajian-kajian lepas tentang alat muzik tradisional Gong.

Kajian ini dibuat oleh Roland Anthony Pereira, 2017 yang mengkaji tentang hasil pembuatan alat muzik tradisional Gong mengikut kalangan masyarakat tempatan di Sabah. Gong ini biasanya, diperbuat oleh bahan-bahan yang keras seperti besi dan juga tembaga. Besi

ini juga akan diketuk menggunakan tukul khas untuk menghasilkan sebuah bentuk. Manakala, untuk bahagian bahan tembaganya pula, ianya akan dipanaskan terlebih dahulu. Kemudian, tembaga yang dipanaskan tersebut akan dicairkan sehingga boleh dimasukkan ke dalam bekas atau acuan gong. Setelah itu, ianya akan dibiarkan mengeras atau membeku sehingga menjadi bulat seperti Gong yang kita kenali sekarang.

Selain itu, menurut Ronald Yusri Batahong, 2016 menyatakan bahawa industri Gong di Matunggong Kudat telah lama bertapak sejak pada tahun 1992, apabila Lembaga Kebudayaan Sabah memperkenalkan Kampung Sumangkap sebagai salah satu lokasi pelancongan kesenian di negeri Sabah. Ianya juga menyatakan proses pembuatan alat muzik tradisional Gong ini dengan komprehensif. Di mana, Gong ini kerap dibuat dengan bersaiz sekala besar dan biasanya mempunyai diameter bahagian atas lebih daripada 30 cm yang dikenali dengan saiz, bunyi dan jenis ensemبل seperti Koritikon, Bobongan, Kuribadon dan Pomo dalam kalangan masyarakat Rungus. Manakala untuk berukuran kecil pula, ianya seharusnya bersaiz dalam lingkungan kurang daripada 20 cm dan ianya biasanya dipanggil kulintangan. Pada masa kini, industri pembuatan Gong aktif dijalankan di daerah Matunggong Kudat dan sering mengalukan kedatangan para pengajur yang ingin menikmati keistimewaan alat muzik tradisional Gong. Rumus dalam kajian ini adalah menaikkan *standard* mutu industri pembuatan Gong kaum Rungus di Sabah.

Di samping itu, menurut Hafiz Hias, 2021 menyatakan bahawa alat muzik tradisional Gong dalam masyarakat Rungus, biasanya dimainkan serta dipalukan sewaktu majlis-majlis keramaian atau perkahwinan. Sehingga kini, alat muzik tradisional Gong etnik rungus masih digunakan. Ini kerana, ia merupakan aspek utama alat muzik tradisional masyarakat Rungus yang sudah diturunkan sejak dari nenek moyang lagi atau lebih dikenali sebagai “Nunuk Ragang”. Dengan itu, kajian ini merumuskan bahawa adanya bahagian-bahagian sumber penting dalam penghasilan alat muzik tradisi Gong ini. Ia juga mempunyai nama-nama serta fungsinya tertentu yang terdapat di Utara Sabah Borneo.

2.2.5 JENIS BUNYI DAN JENIS ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG SUKU KAUM RUNGUS

Menurut Dewiana Tinggolongan (2016), menyatakan alat muzik Gong bukan sahaja cukup terkenal dalam kalangan masyarakat di Sabah, namun menjadi sebuah unsur warisan identiti tradisi bagi suku kaum tertentu. Kehadiran alat muzik Gong dalam kehidupan masyarakat di Sabah menjadikan pemberian kepada aktiviti kegiatan penting bagi sesuatu kaum tertentu. Maka, tidak hairan bahawa pembuatan Gong ini sangatlah penting dalam jati diri suku kaum di Negeri Bawah Bayu. Dalam menghasilkan Gong yang berkualiti, ianya haruslah memerlukan kemahiran yang tinggi dan memiliki daya pendengaran yang cukup tepat dalam mencari bunyi-bunyi “kod” yang betul dalam alat muzik tersebut khusus alat muzik tradisional Gong. Dengan itu, keuntungan tersebut boleh dilihat di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat di Sabah, iaitu daerah yang agak terperinci di bahagian utara Sabah. Beliau mengatakan dalam temubual dengan Puan Solina Mogimbing yang berbangsa Rungus dan merupakan salah satu pembuat Gong di Pusat pembuatan gong, berkata “Penghasilan sebuah gong berkualiti bukan sahaja memerlukan ketelitian yang baik, tetapi haruslah mempunyai kemahiran dan kesungguhannya”. Beliau juga berkata “Setelah selesai mencantumkan bahagian gong, maka proses mengetuk bahagian sekeliling gong haruslah dilakukan menggunakan tukul bagi mencari ketepatan bunyi, kerana bunyi gong setiap suku kaum di Sabah berbeza-beza. Oleh sebab itu, orang menghasilkan haruslah memiliki daya pendengaran yang tajam dan boleh membezakan antara bunyi gong.

Selain itu, menurut salah seorang lagi pembuat gong iaitu Rohana Mouut yang berusia 40 tahun mengatakan untuk mencari bunyian gong yang dikehendaki, alat muzik tersebut haruslah diketuk di bahagian permukaannya bagi mendapatkan tahap kenyaringan bunyi yang dikehendaki. Sehubungan dengan itu, bagi menghasilkan bunyi yang tajam, ianya haruslah diketuk di bahagian dalam gong tersebut. Beliau juga mengatakan terdapat bunyi Gong daripada zink dan tembaga untuk menghasilkan bunyi yang berbeza. Akan tetapi, untuk mendapat bunyi yang indah adalah lebih memilih Gong Tembaga. Hal ini kerana, ia lebih kuat dan kenyaringannya tidak akan berubah. Oleh sebab itu, harga Gong Tembaga lebih mahal berbanding Gong Zink.

2.6 KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teoritikal dikontekskan dalam sosiologi dan bidang lain dalam ilmu sains sosial kerangka teorikal ini juga merujuk kepada aspek pemahaman struktur konsep yang digunakan untuk menerangkan memahami dan menyusun data fenomena yang sedang dianalisiskan. Selain itu, kerangka teoritikal ini juga salah satu kerja berdasarkan konseptual pembentukan asas bagi tujuan penyelidikan atau analisi sesuatu topik. Di sisi lain, kerangka teoritikal ini lebih menunjukkan fungsi hubungan antara konsep-konsep, teori-teori, idea-idea serta topi yang berkaitan. Oleh itu, kerangka teoritikal ini sangat diperlukan bagi tujuan memahami isu-isu kajian, merancang penyelidikan, merangka hipotesis kajian serta lebih bermanfaat dalam menerangkan hasil kajian.

Menurut Kurt Lewis, (2023) menyatakan bahawa konsep teoritikal ini merupakan satu konsep “Field Theory” yang menerangkan tingkah laku manusia yang dipengaruhi oleh perhubungan antara individu dan persekitaran sosial mereka. Selain itu, kerangka teoritikal ini membantu dalam mengubungkan fenomena yang diperhatikan dengan teori dan pengetahuan sedia ada bagi tujuan penyediaan panduan dalam pengumpulan dan pemerhatian data. Dengan itu, ia akan memudahkan kerja-kerja pencarian data maklumat secara sistematik dan terperinci, ia sekaligus akan membantu besar kepada pengkaji dalam mengumpul data yang sedia untuk dijadikan tinjauan dalam kajian penyelidikan.

2.2 KESIMPULAN

Pada dasarnya, melalui kajian sorotan lepas ini menjadikan penyelidikan pengkaji menjadi lebih mudah serta boleh dijadikan sumber bahan-bahan penting dalam kajian pengkaji. Diharapkan, sorotan-sorotan kajian lepas akan lebih banyak dihasilkan agar ia boleh dijadikan sumber bahan pengetahuan penting kepada generasi akan datang yang ingin mengenali lebih mendalam akan alat muzik tradisional Gong yang terdapat di Malaysia.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian ialah satu liputan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat sesuatu kajian penyelidikan. Metodologi kajian menjadikan sebuah motif kajian yang dijalankan lebih bersistematis atau komprehensif. Dalam bab metodologi kajian ini, pengkaji mengukur jurang kepastian yang betul dalam menyusun strategi-strategi yang lebih terperinci. Di samping itu, bab ini juga telah memberikan fokus utama kepada pengkaji dalam menganalisis data-data penting maklumat secara berkala sehingga maklumat tersebut jelas disampaikan kepada semua pihak. Penggunaan susun atur proses kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam metolodogi kajian telah menyumbangkan yang sangat besar kepada penyiapan kajian ini. Antara strateginya ialah pengkaji menggunakan strategi-strategi seperti pendekatan kajian, reka bentuk kajian serta menganalisis unit. Selain itu, bab ini juga menerangkan kaedah seperti kaedah kualitatif dan kuantitatif. Namun, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah pemerhatian, temu bual, dan perpustakaan. Selain itu, pengkaji juga membincangkan kaedah dari segi pengumpulan data, peralatan yang digunakan, latar belakang sampel dan menganalisis data.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam pendekatan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pendekatan kualitatif. Di mana, ia melibatkan kepada pengumpulan data dan kaedah pembacaan terperinci dalam kesemua artikel-artikel lepas mengenai teknik pembuatan alat muzik Gong dalam suku kaum etnik Rungus di Matunggong, Sabah. Selain itu, kaedah bahan bacaan seperti perpustakaan, rujukan internet serta menemu bual juga dilakukan agar kajian ini lengkap secara sistematik.

3.2 KAEADAH KAJIAN

3.2.1 KAEADAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif ini merujuk kepada sebuah kajian penyelidikan yang sangat bergantung kepada pendapat responden, menanyakan soalan-soalan yang luas atau umum, pengumpulan data-data penting berbentuk perkataan atau secara teks sahaja, serta melakukan kaedah inkirui dalam konteks seperti subjektif atau bias. Dengan itu, Pengkaji telah merancang secara teratur dan sistematik dalam membuat strategi untuk mendapatkan maklumat lengkap dalam metolodogi kajian ini. Di mana, pengkaji menggunakan kaedah seperti kaedah pemerhatian, temu bual, dan pencarian maklumat di laman web.

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian dalam menjalankan penyelidikan ini semasa berada di kawasan kajian. Dengan kaedah ini, pengkaji mampu melihat dengan lebih terperinci dan komprehensif untuk diadaptasikan dalam penulisan. Dengan itu, Pengkaji juga akan dapat mengikuti beberapa kaedah teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong yang telah dilakukan oleh penggiat penghasilan produk tradisional ini.

Dalam kaedah temubual ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat secara lebih lengkap dan tepat. Di mana, kaedah ini akan berupa untuk pengkaji melaksanakan temubual kepada penggiat secara terperinci dalam membuat proses pembuatan alat muzik tradisional Gong. Selain itu, dalam kaedah temubual juga, pengkaji mampu melengkap sepenuhnya kajian penyelidikan untuk diletakkan ke dalam penulisan.

Bagi kaedah pencarian sumber maklumat di laman web, ia dijalankan bertujuan untuk mencari lebih banyak lagi maklumat akan teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong. Malah, pengkaji juga akan menggunakan sumber sekunder dalam kajian seperti sumber bahan pembacaan buku, majalah, jurnal melalui secara atas talian. Sebagai contoh, pengkaji mendapat sumber maklumat melalui kaedah pencarian dalam pembacaan internet.

3.4 TEKNIK PENGUMULAN DATA

3.4.1 DATA PRIMER

Bagi mendapatkan data primer ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian. Di mana, kaedah ini memerlukan pengetahuan yang luas akan latar belakang kajian tersebut dan pemahaman situasi yang cukup meluas mampu mengalakkan serta menumpukan situasi tersebut yang sebenarnya. Menurut Rohana Yusof (2004), menyatakan bahawa data primer ialah data primer berasal daripada sumber asli atau edisi yang asal. Hal ini kerana, melalui proses data primer ini akan memberikan maanfaat penting kepada pengkaji dalam mengumpulkan dan menguji hipotesis sendiri dalam kajiannya. Sebagai contohnya, pengkaji dapat memerhatikan sepenuhnya secara terperinci dan jelas dengan teknik-teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong ini setelah melakukan strategi pemerhatian di kawasan kajian lapangan penyelidikan. Tambahan pula, data-data yang diperolehi akan menjadi lebih mudah untuk dianalisis secara teliti dan berkesan.

3.4.2 DATA SEKUNDER

Dalam pengertian tentang data sekunder ini pula bagi menurut Hassan, (2002) menyatakan bahawa data sekunder ini merupakan salah satu data yang dikumpulkan semasa melakukan penelitian kajian serta data diperolehi daripada sumber-sumber yang telah sedia ada. Data ini juga digunakan untuk mendukung informasi daripada data primer. Di mana, data sekunder ini lazimnya diperolehi daripada bahan informasi daripada data perpustakaan, sorotan kajian, penelitian terdahulu, buku dan sebagainya. Terdapat juga pengertian ahli pakar yang lain seperti tokoh Arikunto, (2013) menyatakan bahawa data sekunder ini adalah sebuah data yang telah diperolehi daripada dokumen-dokumen berkualiti, sebagai contohnya tabel, catatan, kenalan rapat, SMS, foto-foto, rakaman video, benda-benda dan sebagainya. Di mana, data-data ini akan mampu untuk memperkayakan data primer yang telah dijalankan semasa melakukan penelitian mengenai kajian. Melalui kaedah teori ini, pengkaji dapat memperolehi beberapa maklumat data yang penting dengan melakukan kaedah yang terdapat dalam data sekunder ini. Hal ini juga telah memperkuatkan lagi informasi data bagi kajian penyelidikan ini. Sebagai contohnya, melalui pencarian kajian-kajian lepas, kebanyakkan data tersebut telah

menjadikan sumber pengetahuan luas tentang serba sedikit akan teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong. Tambahan pula, pengkaji akan merasa mudah dalam melakukan penyelidikan kajian, kerana telah mengenai beberapa sumber pengetahuan akan teknik pembuatan alat muzik tradisional khusus Gong yang terdapat di Matunggong, Sabah.

3.5 PERSAMPELAN

Pengertian tentang persampelan ini adalah satu proses yang dilakukan sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi yang dipilih serta haruslah dikaji untuk membolehkan kita membuat keuntungan mengenai populasi tersebut. Menurut Syed Arabi Idid, (1992) mengatakan bahawa persampelan ini merupakan satu usaha yang keras untuk dijalankan oleh pengkaji untuk memperolehi informasi yang tepat daripada sampel yang mampu mewakili keseluruhan populasi kajian. Manakala, bagi ahli pakar yang lain seperti Gordon F. Fielding, (1974) menyatakan bahawa “*The unbiased selection of the test population*” atau ringkasnya adalah persampelan yang melibatkan penyelidikan terhadap sampel kajian bagi mewakili keseluruhan populasi kajian. Biasanya, kaedah sedemikian kerap digunakan oleh pengkaji yang lain semasa melakukan penelitian dalam kajian mereka. Sehubungan dengan itu, persampelan ini bertujuan untuk menjimatkan kos atau tenaga pengkaji tersebut. Di mana, pengkaji tersebut tidak perlu membuang masa untuk melakukan kajian tersebut secara fizikal kerana telah mendapat maklumat data penting dalam persampelan ini. Dengan itu, penyelidikan tersebut akan dapat dijalankan secara tepat serta jangka masa yang panjang.

3.6 TEKNIK ANALISIS DATA

Teknik analisis adalah salah satu data yang sangat penting dalam bahagian penelitian kajian. Di mana, menurut Prof. Dr. Sugiyono mengatakan bahawa teknik analisis data ini merupakan proses yang begitu sukar untuk dilakukan. Hal ini kerana, dalam melakukan proses analisis data, rata-rata pengkaji akan harus melakukan kerja keras secukupnya. Selain itu, pengkaji seharusnya memiliki ilmu pengetahuan yang luas serta kreatif dalam melakukan kajian penelitian, kerana semasa menentukan kaedah yang digunakan haruslah cukup

sepenuhnya dan haruslah bersesuaian dengan data yang dimiliki. Akan tetapi, ia berbeza pula dengan para ahli yang lain seperti ahli pakar Komaruddin yang termasuk ahli pakar dalam menyatakan definisi tentang analisis data. Beliau mengatakan bahawa kaedah analisis data ini merupakan aktiviti yang haruslah menggunakan pola pemikiran yang terperinci serta bijak dalam menguraikan sesuatu komponen secara keseluruhan sehingga setiap komponen tersebut agar lebih mudah untuk difahami. Malahan, fungsi data tersebut dapat diulaskan sesuai dengan data yang dimiliki.

3.6 PENUTUP

Kesimpulannya, pada dasarnya alat muzik tradisional Gong mampu melahirkan generasi yang cinta akan warisan tempatan negara. Penggunaan alat muzik tradisional Gong juga mampu mengubati hati penggiat seni tempatan untuk diwariskan kepada anak muda pada kini. Dengan adanya, teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong ini, ia dapat dijadikan sumber penyelidikan yang berguna serta menjadi salah satu sumber maklumat penting bagi Pusat Kesenian dan Kebudayaan Negara. Oleh itu, berharap kajian ini boleh dijadikan sumber panduan dan teladan kepada generasi anak muda yang sesungguhnya berminat untuk meneruskan kajian penyelidikan ini.

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada data maklumat yang telah dikumpulkan sepanjang aktiviti kerja penyelidikan dilakukan semasa di Negeri Sabah. Dapatan kajian ini diperolehi daripada tokoh yang bernama Ronny Mouri dan berumur 45 tahun. Beliau juga merupakan penggiat seni utama dalam penghasilan gong-gong utama di Sabah. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah hasil dapatan kajian seperti melalui kaedah data temubual, kaedah data pemerhatian, data soal selidik serta kaedah pencarian maklumat di internet melalui pembacaan.

Pengkaji juga telah menjalankan penyelidikan di kawasan Daerah Matunggong, Kudat Sabah untuk mencari penggiat seni dalam pembuatan alat muzik tradisi Gong bagi suku kaum Rungus. Tempat yang ditumpu oleh pengkaji adalah di kawasan Kampung Sumangkap, Matunggong Kudat, Sabah. Dalam tempoh penyelidikan ini juga, pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif sahaja. Ini kerana, pengkaji ingin memastikan kaedah menemubual dijalankan dengan begitu baik dan mudah difahami data-data yang diperolehi nanti. Pengkaji juga menggunakan objektif kajian sebagai panduan utama dalam membuat soalan-soalan penting kepada Encik Ronny Mouri. Salah satu contoh soalan yang wajip untuk dikemukakan kepada beliau adalah “Siapakah orang pertama yang telah menemukan cara penghasilan alat muzik Gong dalam suku kaum Rungus”. Dengan itu, melalui soalan tersebut ia akan memudahkan pengkaji dalam mendapat data-data penting dalam maklumat utama kajian pengkaji. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah merakam dengan menggunakan telefon pintar. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah ini adalah untuk memastikan pengkaji benar-benar dikawasan tersebut dan untuk mengukuhkan lagi bukti data-data penting pembuatan alat muzik gong ini. Dengan kata lain, data-data rakaman tersebut akan dijadikan sumber maklumat rujukan utama kepada pengkaji dalam menganalisis data utama nanti.

4.2 ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian merujuk kepada proses dalam membuat dan menentukan pilihan terhadap dapatan kajian yang kita lakukan melalui daripada kumpulan dan menganalisis data agar dapat mencapai objektif kajian. Dengan adanya analisis kajian ini, ia membolehkan suatu proses kerja berjalan dengan sistematik dan mendapat hasil dapatan kajian yang mudah difahami dengan jelas. Maka, analisis kajian amatlah diperlukan oleh pengkaji dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

4.3 SEJARAH ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG

4.3.1 Sejarah

Menurut Encik Ronny Mouuri, alat muzik tradisional Gong ini berasal daripada seorang tokoh yang bernama Majabab. Di mana, pada waktu ketika dahulu Majabab ini telah bermimpi mengenainya alat muzik tradisi Gong ini. Pada malam itu juga, beliau telah diberikan kebijaksanaan bagaimana hendak membuat alat muzik gong ini dengan cara dan intipati yang betul. Keesokan harinya, beliau cuba membuat aktiviti hariannya, akan tetapi mimpi tersebut masih terkiang-kiang di dalam kepalanya, sehingga beliau memutuskan untuk membuat alat muzik gong pada hari itu. Namun, pada ketika itu beliau belum cukup dengan pengalaman dan beliau hanya sekedar membuatnya begitu sahaja. Hari berganti hari, alat muzik tradisi gong pada masa itu menjadi lebih baik serta banyak dihasilkan oleh beliau, tetapi ia tidak secantik seperti zaman sekarang ini. Ini disebabkan, belum terciptanya mesin canggih pada ketika itu. Selain itu, beliau hanya menggunakan secara manual dengan menggunakan bahan seperti Pahat atau Sangkap yang diberi nama oleh mereka. Tujuan bahan ini untuk memotong besi-besi, zink dan tembaga yang diproses untuk dihasilkan sebuah alat muzik tradisional Gong bagi air peluh dari masyarakat Rungus khusus di Kampung Sumangkap, Matunggong Kudat, Sabah.

Beliau juga mengatakan bahawa dalam suku kaum etnik Rungus, alat muzik gong ini juga mengamalkan konsep kepercayaan mereka tersendiri. Sebagai contoh, mempercayakan amalan paluan gong ini sebagai perubatan bagi mereka. Akan tetapi, kepercayaan yang paling ketara adalah kepercayaan sewaktu menyambut Pesta Kaamatan. Ini sudah tidak asing dalam kepercayaan hampir setiap suku kaum tempatan di Sabah. Selain itu juga, bagi suku kaum etnik Rungus menganggap alat muzik gong ini sebuah tradisi yang sangat wajip untuk digunakan dalam upacara pertunangan atau perkahwinan untuk membawa hantaran atau berian kepada pengantin perempuan. Dalam erti kata lain, “Tiada Gong, Tidak boleh merisik pengantin perempuan”. Malahan, ini sudah menjadi simbol utama kepada mereka sejak diturunkan oleh nenek moyang mereka lagi dan dikenalkan sehingga kini.


Encik Ronny juga mengatakan setiap alat muzik Gong ini memiliki nama yang berasaskan bunyinya atau irama yang dimainkan. Irama gong yang berbeza juga digunakan sebagai tanda simbolik, acara pesta seperti majlis perkahwinan atau kematian. Nama-nama muzikal ini juga turut berubah-ubah mengikut jenis dialek dan kampung masing-masing. Hal ini dibuktikan, masyarakat Rungus yang terdapat area daerah Pitas, Sabah menggunakan kaedah permainan alat muzik Gong berbeza, malahan kegiatan amalan juga turut berbeza-beza. Ia dapat dilihat daripada aspek jenis tarian, pakaian tradisi serta pola kehidupan mereka. Walaupun dalam rumpun suku kaum etnik Rungus sama, namun ia akan berbeza bergantung kepada kawasan petempatan tersebut.

Kita lihat kepada konteks kejadian kematian pula, alat muzik gong ini tidak boleh dimainkan dan dilarang sama sekali. Jika berlaku kejadian ini, para pembuat gong akan serta-merta berhenti membuatnya. Dikatakan juga, jika hendak membuat gong semula, ianya akan disambung selepas 15 hari perkebumian tersebut. Ini bertujuan untuk menghormati kepada keluarga yang mengalami permasalahan tersebut. Tambahan pula, alat muzik tradisional ini digunakan sebagai penutup tempayan yang menempatkan mayat sebelum dikebumikan. Walaupun, ianya kedengaran agak pelik, namun ia sememang realiti bagi suku kaum Rungus pada masa dahulu. Akan tetapi, amalan ini tidak sudah dilakukan oleh masyarakat Rungus pada kini, kerana setiap dari mereka sudah mempunyai pegangan agama masing-masing dan dianggap proses perkebumian zaman dahulu melanggar hukum alam dan ajaran dari Tuhan.

Beliau mengatakan lagi, selain digunakan sebagai bersifat keagamaan, keramaian atau kematian. Terdapat juga kegunaannya yang lain seperti digunakan untuk paluan apabila mencari orang yang hilang sama ada di sungai atau hutan pada dahulu kala, dan sebagai kegunaan memberi amaran apabila berlaku bencana alam (Banjir). Namun, beliau mengatakan, diantara kegunaan kesemua tersebut, terdapat lagi yang digunakan oleh masyarakat Rungus dahulu bagi alat muzik tradisi Gong ini iaitu digunakan jika berlaku gerhana bulan. Keunikan kegiatan melakukan paluan Gong apabila berlaku gerhana bulan menjadikan suku kaum Rungus di Sabah cukup terkenal dengan alat muzik tradisional Gong. Bagi masyarakat Rungus, alat muzik tradisional Gong ini sangatlah suci, malah dianggap barang yang paling berharga nilainya. Harta ini tidak boleh digantikan dengan alat muzik tradisi yang lain disebabkan sudah dianggap harta tidak bernilai dengan warisan pada sesebuah keluarga untuk diturunkan kepada satu generasi ke satu generasi akan datang.

Banyak telah berlaku kepada kawasan pembuatan alat muzik tradisi Gong mereka, dan kini alat muzik tradisional Gong ini sudah menjadi sebahagian tubuh dalam pola kehidupan mereka. Proses kehidupan pencarian hiburan, rezeki, dan tatasusila rumpun kehidupan kekeluargaan dalam dunia peralata tradisi Gong membuat mereka untuk lebih komited untuk menghasilkan alat muzik tradisi Gong ini demi semua masyarakat. Di tambah lagi, sejarah nenek moyang mereka telah banyak memberi pengajaran besar bagi mereka sehingga mereka dapat mengembang menghasilkan alat muzik tradisional Gong” kata Encik Ronny Mouri.

Bermulanya sekitar pada tahun 1968, Encik Majabab ini telah menghasilkan sebuah petempatan penghasilan kawasan pembuatan alat muzik Gong yang pertama di Sabah. Dengan usaha titik peluh beliau, kini terdapat 28 ahli keluarga telah menyertai dan bergabung untuk mengubah kampung Sumangkap ini menjadi kilang Gong terbesar, bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh Malaysia.



Rajah 2: Bukti Sejarah Alat Muzik Tradisional Gong di Sabah dan di Petempatan Kampung Sumangkap, Kudat Sabah.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 PROSES TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL GONG DALAM KALANGAN SUKU KAUM ETNIK RUNGUS DI KUDAT, SABAH

4.4.1 Proses Teknik Pembuatan Alat Muzik Tradisional Gong

Menurut Encik Ronny, kepakaran dan pengalaman yang banyak membuat beliau tidak begitu rumit atau sukar untuk membuat alatan tradisi Gong ini. Akan tetapi, cabaran yang perlu dihadapi beliau adalah faktor tenaga. Oleh kerana, beliau sudah di dalam fasa berusia, proses pembuatan alat Gong tidak sekuat seperti yang dulu. Menurut beliau lagi, proses pembuatan Gong seharusnya memiliki keazaman tekad yang kuat sebagai langkah pemula untuk melakukannya. Perkara yang membimbangkan beliau adalah anak muda pada masa kini, disebabkan hanya sedikit sahaja yang meminat alat muzik tradisional Gong ini, malah pelbagai keluhan yang keluar dari perkataan mereka. Selain itu, isu cabaran yang paling sukar dielakkan oleh beliau dalam membuat gong ini adalah dua organ sensor utama dalam tubuh manusia iaitu mata dan telinga yang semakin mengalami kerosakan. Penggunaan elektronik secara berkala menyebabkan fungsi mata dan telinga beliau semakin teruk sehingga perkara tersebut menjadi faktor kepada mereka bercakap pada nada yang kuat dengan orang lain mahupun sekeluarga.

Tambah beliau lagi, teknik yang paling asas dalam pembuatan alat muzik tradisi Gong ini adalah keadaan hati. Di mana, ia mestilah dalam keadaan yang baik pada masa tersebut. Apabila melakukan perkerjaan membuat alatan Gong ini, kita tidak boleh melakukan kerja dengan keadaan marah. Jika berlaku sedemikian, ia akan merosakkan pola pembuatan alat muzik Gong ini. Salah satu komponen yang mudah sensitif apabila diketuk dalam pukulan yang kuat adalah struktur bahagian “Buncung”. Perkara jelas dikatakan beliau bahawa ia tidak boleh dilakukan pada keadaan marah dan ia sudah terbukti dengan pengalaman yang beliau lakukan sebelum ini. Di mana, sewaktu beliau melakukan kerja dalam keadaan yang kurang baik atau marah, proses membuat Gong tersebut tergenda disebabkan faktor perasaan yang sukar dikawal. Beliau menegaskan lagi, bukan sekadar kerja membuat alat muzik tradisi Gong ini sahaja perlu mengawasi emosi dengan baik, namun dalam segala perkara.

Dalam proses pembuatan alat muzik tradisi Gong ini, biasanya beliau menggunakan tenaga yang kuat pada bahagian proses pencantuman antara daun besi dengan muka depan Gong. Hal ini kerana, kerja tersebut haruslah dilakukan pada bahagian tepi Gong untuk tujuan melipatkan ke besi daun dengan muka depan Gong. Ilmu dan pengetahuan beliau membolehkan kerja membuatkan Gong menjadi mudah dilakukan. Dengan adanya, teknologi elektronik pada masa sekarang, menambah lagi kemudahan bagi beliau. Alatan bantuan yang lain seperti mesin grander, wilding, tukul dan besi pembuat palang permukaan Gong telah banyak membantu beliau untuk memgembangkan lagi kemahiran beliau dalam menginovasikan pembuatan alat muzik Gong. Inovasi yang dihasilkan beliau, telah memberi perkembangan besar kepada pusat pembuatan alat muzik tradisi Gong beliau sehingga pelbagai corak-corak yang berbeza dan unik yang telah dihasilkan beliau. Sehubungan dengan itu, beliau juga mengatakan terdapat dua jenis bahan utama yang digunakan untuk membuat alat muzik tradisional Gong ini seperti Besi dan Tembaga (Loyang). Ia mempunyai bulatan lebar yang tebal, dan dapat menghasilkan nada-nada muzik yang rendah mengikut saiz dan ketebalan gong tersebut. Dalam sudut aspek bahan dari besi ini, beliau biasanya menggunakan bahan dari zink yang berukuran 4 kaki dan 8 kaki dan nama khas bagi jenis zink ini adalah JISHIP dan JIFLAT. Bahan ini merupakan komponen utama yang digunakan oleh beliau dalam menghasilkan alat muzik tradisi Gong beliau. Tambahan pula, beliau juga menggunakan material-material sebagai kegunaan untuk membuat alat muzik seperti canang dan kulintangan. Permintaan orang ramai membuatkan beliau terus bergiat menghasilkan barang-barang antik kecil-kecil yang berunsurkan Gong kecil atau untuk keychain bagi pengunjung yang datang.

Selain itu, jenis pemukul alat muzik tradisi Gong seperti Tavag, Soludon dan Pompo memiliki kaedah membuat yang sama. Bahan yang digunakan memerlukan bahan getah pada hujung alat pemukul gong tersebut. Ianya biasanya diperbuat daripada bekas tiub tayar basikal, kereta atau motorsikal. Namun, ia akan berlainan dengan pemukul jenis alat muzik tradisi Gong seperti Koritikan (Canang) dan Sandagau (Canang). Bahan yang digunakan beliau untuk membuat pemukul jenis alat muzik tradisional Gong tersebut adalah dengan menggunakan bahan daripada sumbiling (Buluh Runcing). Bahan-bahan ini adalah penggunaan utama bagi beliau dalam menghasilkan bentuk rekaan Gong yang tepat dan asli. Menurut beliau lagi, perkara yang paling merumitkan untuk menghasilkan alat tradisi Gong ini adalah dari segi aspek kewangan. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan bahan utama yang digunakan agak mahal untuk dibeli seperti bahan tembaga. Bahan ini biasa dibeli dengan menempah pembelian

dari pihak luar atau pembelian secara online disebabkan proses pembelian haruslah betul-betul tepat dan mengurangkan risiko pembaziran kewangan.

Oleh sebab itu, proses pembuatan alat muzik tradisional Gong yang dihasilkan beliau mempunyai selok-belok yang baik dan buruk pada syarikat pembuatan alat muzik Gong beliau. Walaupun tapak petempatan pembuatan alat muzik Gong beliau sudah lama ditubuhkan, namun banyak sahaja kekangan yang berlaku khususnya kekangan peredaran masa dari tradisional ke teknologi. Beliau berkata lagi, salah satu faktor dalam mempromosikan pusat pembuatan Gong ini adalah dengan mengikuti kriteria-kriteria bagi permintaan orang ramai. Dengan adanya teknologi kini, ia akan banyak membantu beliau dalam memudahkan kerja beliau, akan tetapi juga sukar menangani dengan kesukaan anak muda sekarang yang lebih memilih menceburι bidang alat muzik moden. Maka, beliau serta seluruh orang kampung tinggal di kawasan tersebut, akan terpaksa mengeluar bajet yang lebih untuk menghasilkan konsep alat muzik Gong ini ke arah moden, namun masih berpaksikan tradisional.

Beliau menegaskan lagi, diharap semua pihak boleh memartabatkan lagi kewujudan alat muzik tradisional Gong ini sebagai satu identiti yang berguna. Malahan, beliau mengharapkan para generasi muda pada kini, untuk lebih menghargai pengorbanan nenek moyang yang bertungkus lumus menciptakan alat muzik tradisi Gong kepada kita. Seterusnya, meminta generasi yang sememangnya meminati alat muzik tradisional Gong ini akan meneruskan legasi mereka. Manakala, bagi anak muda yang belum mengenal alat muzik tradisi Gong ini dengan jelas, diminta untuk meninjau-ninjau keberadaan alat muzik tradisi Gong ini agar alatan berharga ini terus dikembang dari semasa ke semasa.



Rajah 3: Corak alat muzik tradisional Gong telah dihasilkan Encik Ronny Mouuri

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.5 MENGETAHUI REPERTOIRE JENIS-JENIS LAGU YANG DIMAINKAN DENGAN MENGGUNAKAN ALAT MUZIK GONG DALAM KALANGAN ETNIK RUNGUS DI MOTUNGGONG KUDAT, SABAH.

4.5.1 Jenis Repertoire Notasi Lagu Alat Muzik Gong yang Dimainkan Oleh Suku Kaum Etnik Rungus.

Menurut Encik Ronny Mouri (2023), tidak semua dalam suku kaum etnik Rungus meletakkan bunyian paluan Gong dalam penciptaan lagu-lagu yang mereka hasilkan. Hal ini kerana, kewajipan paluan Gong hanya dilakukan semasa musim perayaan atau majlis keramaian seperti perkahwinan atau majlis-majlis besar. Tambahan pula, mereka menganggap fungsi gong dalam irungan lagu yang dimainkan mempunyai maksudnya tersendiri yang membawa maksud nilai mendalam bagi tradisi suku kaum mereka. Hal tersebut menyebabkan pengkaji sukar untuk melakukan kajian bagi repertoire notasi lagu alat muzik gong bagi suku kaum etnik Rungus. Akan tetapi, demi mendapat rujukan dan kajian yang tepat banyak lagi. Beliau hanya mampu memberi maklumat bahawa hanya satu jenis sahaja lagu yang suku kaum Rungus yang dimainkan oleh mereka. Lagu dan melodi tersebut merupakan lambang kepada identiti bagi suku kaum mereka. Di mana, lagu ini adalah lagu yang diciptakan oleh nenek moyang mereka lagi dan diwaris hingga kini. Nama khas lagu tersebut adalah lagu “Sumundai Mongigol”. Lagu tersebut kerap dimainkan semasa perayaan Kaamatan, Perkahwinan (Semasa menyambut pengantin lelaki ke majlis perkahwinan), dan juga semasa aktiviti-aktiviti majlis besar-besaran. Lagu ini juga dikatakan sebuah simbol identiti utama bagi suku kaum Rungus. Hal ini kerana, lagu “Sumundai Mongigol” sudah lama diturunkan oleh nenek moyang mereka lagi. Ditambah lagi, apabila majlis perkahwinan dijalankan, pengantin lelaki dan perempuan haruslah melakukan tarian “Mongigol” ini sebagai adat tradisi mereka. Setiap langkah yang digerak juga mempunyai maksudnya tersendiri sehingga langkah tersebut sukar dilakukan jika tidak memiliki asas gerakan dalam tarian ini. Dikatakan lagi, walaupun pengantin di antara lelaki atau perempuan bukan berasal dari suku kaum etnik Rungus, hal tersebut wajip juga dilakukan demi menjaga martabat dan nilai tradisi nenek moyang mereka. Malahan, simbol pemberian gong kepada pengantin perempuan juga adalah satu aspek yang wajip dilakukan sebagai hantaran merisik kepada si pengantin perempuan.

Selain itu, Encik Ronny juga mengatakan, bagi memainkan lagu ini, biasanya akan memerlukan beberapa orang untuk memainkannya. Ini bertujuan, menghasilkan bunyian ensemble yang kaya dengan nilai dan isi tersirat bagi rentak lagu tersebut. alat muzik tradisi kaum rungus. Paluan gong ini akan dimainkan dengan pelbagai jenis nama khas bagi alat muzik tradisi Gong ini. Beliau mengatakan lagi, dalam masyarakat Rungus terdiri akan menggunakan tujuh jenis alatan Gong dalam memainkan lagu “Sumundai Mongigol” antaranya seperti Koritikon (Canang), Sandagau (Canang), Pompom, Soludon, Tongikon (Tavag), Bimbungan (Tavag) serta Hungkodonan (Tavag). Ketujuh-tujuh jenis alat muzik tradisi Gong akan dimainkan mengikut rentak dan paluan tersendiri bagi mengharmonikan lagu. Pengertian bagi “Sumundai Mongigol” juga memiliki maksudnya tersendiri. Bagi masyarakat Rungus di Sabah, mereka menggangap lagu “Sumundai Mongigol” ini digunakan dalam sebutan bagi tarian utama mereka iaitu Tarian Mongigol Sumundai. Beliau mengatakan lagi, tarian yang biasanya ditarikan oleh kaum lelaki disebut sebagai “Mongigol”, manakala bagi tarian yang ditarikan atau dipersembahkan oleh kaum Wanita pula disebut “Sumundai”. Disebabkan tarian ini Tarian Mongigol Sumundai, maka terhasilkan lagu “Sumundai Mongigol”. Persamaan nama ini dilakukan untuk memudahkan masyarakat Rungus dahulu mencari rentak, melodi, rhythm dan tujuan lain adalah untuk mempunyai ikatan yang sama dengan jenis lagu dan tarian.

Sehubungan dengan itu, pengkaji juga telah membuat repertoire notasi lagu yang dikatakan oleh Encik Ronny Mouri. Notasi lagu ini dibuat berdasarkan paluan gong yang terdapat dalam lagu Sumundai Mongigol. Notasi lagu dilakukan untuk bertujuan mengenali rentak bagi setiap saat paluan Gong akan dilakukan oleh pemain Gong dalam memainkan lagu Sumundai Mongigol ini. Dalam menjayakan notasi, ia kelihatan agak sukar disebabkan proses mengira paluan Gong haruslah dilakukan untuk mencari rentak paluan Gong tersebut. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah meminta tunjuk ajar kepada penyelia elektif sendiri iaitu Prof, Madya Khairil Anwar Dean Bin Kamarudin untuk bagaimana hendak mencari ton dan rentak yang sesuai bagi lagu ini. Perkongsian dan tunjuk ajar beliau telah banyak membantu pengkaji menyelesaikan pencarian notasi lagu ini dengan lancar. Tambahan pula, notasi ini dilakukan agar pada masyarakat di luar sana yang membaca kajian mampu memperolehi sumber maklumat untuk tajuk kajian penyelidikan mereka. Walaupun lagu suku kaum etnik Rungus hanya mempunyai satu sahaja jenis lagu yang dimainkan dengan iringan paluan Gong, namun ia telah memberi banyak manfaat kepada pengkaji untuk lebih menumpukan kajian lagu Sumundai Mongigol ini.

Diharap bahawa dengan adanya, keberadaan notasi lagu Sumundai Mongigol yang dibuat oleh pengkaji dapat memberi kesan positif kepada semua golongan masyarakat khusus bagi Rakyat Sabah agar lagu ini dikenali lebih meluas serta suku kaum lain boleh memahami lagu paluan gong dari suku kaum etnik Rungus. Malah, boleh diwarisi oleh semua golongan masyarakat di Sabah mahupun seluruh Malaysia.



Sumundai Mongigol

Kulintangan



Gong



8



9



15



16



20



21



Rajah 4: Notasi lagu Sumundai Mongigol suku kaum etnik Rungus di Sabah

Sumber: Kajian Lapangan 2023

BAB 5: RUMUSAN

5.1 PERBINCANGAN

Analisis kajian yang dibuat hasil daripada dapatan maklumat yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah pencarian sumber maklumat di laman web. Melalui kaedah ini, ia membolehkan pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan serta objektif kajian. Pengkaji juga memperolehi dapatan kajian melalui analisis data mengenai sejarah dan proses pembuatan alat muzik tradisional Gong di Kampung Sumangkap, Matunggong Kudat, Sabah. Hasil daripada analisis kajian ini, terbukti bahawa sejarah pembuatan alat muzik Gong dalam suku kaum etnik Rungus merupakan hasil daripada turun-temurun oleh nenek moyang mereka lagi. Di tambah lagi, kata-kata yang dilontarkan oleh Encik Ronny Mouri memberi maklumat yang tepat kepada data analisis kajian ini tentang keberadaan alat muzik tradisional Gong suku kaum etnik Rungus di Sabah. Pengkaji juga telah menyaksikan secara depan-depan bagaimana proses pembuatan alat muzik Gong ini dilakukan.

5.2 BATASAN KAJIAN

Dalam konteks batasan kajian ini, ia banyak membantu pengkaji untuk fokus pada aspek tertentu yang relevan dan dapat dijelaskan secara lebih mendalam, sementara menghindarkan aspek lain yang mungkin tidak terlalu relevan atau dianggap diluar skop kajian. Didapati beberapa perkara yang terdapat dalam batasan kajian yang telah dikenal pasti semasa pengkaji melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data kajian. Antara batasan kajian yang diperolehi oleh pengkaji adalah melakukan kaedah temubual kepada penggiat seni Gong tersebut sendiri dan dapat memperolehi data maklumat yang lengkap serta tepat mengenai sejarah dan proses pembuatan alat muzik tradisional Gong bagi suku kaum etnik Rungus di Sabah. Skop data maklumat yang diperolehi menjadikan kajian berjalan dengan lancar. Akan tetapi, data maklumat mengenai jenis repertoire kurang mencukupi disebabkan penggiat hanya menjelaskan bahawa hanya satu sahaja jenis lagu yang dimainkan dengan menggunakan irungan paluan Gong suku kaum etnik Rungus di Sabah.

5.3 CADANGAN

Alat muzik tradisional Gong merupakan warisan peninggalan yang sudah hampir 56 tahun lebih bertapak di Kampung Sumangkap, Matunggong Kudat, Sabah. Warisan ketara ini agak sukar untuk dipertahankan sekiranya dibandingkan dengan budaya sedia ada. Dari apa yang lihat, kepelbagaiannya struktur bentuk pola gaya hidup dan fahaman pada masa kini adalah faktor kepada pelestarian dan pemuliharaan warisan ketara ini. Dengan itu, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang baik, sekaligus boleh dijadikan usaha mengekalkan alat muzik tradisional Gong khususnya dalam masyarakat di Kampung Sumangkap, Matunggong Kudat Sabah.

5.3.1 Pendokumentasian

Apa yang dimaksudkan dengan pendokumentasian ini adalah merujuk pada proses atau tindakan menyusun, merekam dan menyimpan informasi atau data secara sistematis. Oleh sebab itu, pendokumentasian ini amat diperlukan dalam mengekalkan alat muzik tradisional Gong yang diwarisi secara lisan. Melalui penglibatan pendokumentasian ini, pelbagai inisiatif yang baik telah dilakukan dalam membuat catatan yang lengkap dan jelas tentang suatu kejadian, proses, atau informasi mengenai alat muzik tradisional Gong agar dapat diperiksa, direview, atau digunakan kembali di masa depan. Sehingga kini, pengertian mengenai alat muzik tradisi Gong ini sangat berkurang akibat berlaku pelbagai informasi dari mulut ke mulut sehingga menyebabkan alat muzik tradisional Gong ini semakin diancam kepupusan. Terbukti, setelah dilakukan kajian di kawasan penyelidikan, informasi dari pihak lain sangat berlainan dengan penjelasan data maklumat dari Encik Ronny sendiri. Akan tetapi, terdapat beberapa pihak seperti Universiti Malaysia Sains dan Universiti Malaysia Kelantan telah membenarkan para pelajar melakukan kajian di kawasan tersebut sekaligus untuk tujuan usaha memperkenalkan lagi kawasan tersebut ke mata semua golongan masyarakat. Tambahan pula, kawasan pembuatan tersebut telah dicatat oleh *Book Of Record* sebagai sebuah petempatan khas untuk pembuatan alat muzik tradisional Gong dan Tugu alat muzik tradisi Gong yang besar adalah bukti dan simbol bagi kawasan tersebut. Usaha proaktif dalam pembukaan,

pendokumentasian melalui rakaman video dan menggambarkan yang kemudianya didokumentarikan sebagai rujukan kepada masyarakat.





Rajah 3: Tugu alat muzik tradisional Gong Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah. (Books Of Record/16 September 2008)

Sumber: Kajian Lapangan 2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3.2 Program Perkongsian Ilmu

Apa yang dikatakan dalam program perkongsian ilmu ini, ia merupakan satu pendekatan yang memberi penekanan kepada aspek berkerjasama dan pertukaran pengetahuan bagi memajukan bidang penyelidikan tertentu. Malah, cadangan ini mampu mencipta persekitaran ke arah kemajuan antara penyelidik serta pihak pertubuhan yang lain. Oleh hal demikian, melalui program perkongsian ilmu ini, ia membolehkan pendedahan awal kepada semua golongan masyarakat tentang kewujudan dan kepentingan kesenian warisan pembuatan alat muzik tradisional Gong khususnya di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah. Sehubungan dengan itu, program ini juga boleh dilakukan dengan kolaborasi dengan Pusat Persatuan Kesenian dan Kebudayaan negeri Sabah dalam usaha memulihara dan mewartakan kawasan pembuatan alat muzik tradisional Gong ini disamping agensi pelancongan negeri Sabah lebih menekan keberadaan kawasan ini di seluruh negara bagi tujuan mempromosikan lagi kawasan ini di mata orang tempatan. Dengan itu, pelestarian kawasan pembuatan gong di kawasan tersebut akan dihargai dan jadikan satu-satu pusat kebudayaan tidak ketara yang masih kekal pada saat ini. Penglibatan daripada generasi muda juga amat digalakkan bagi memberi kesedaran kepada diri mereka sendiri. Ini haruslah dilakukan dari peringkat usia muda kerana seperti pepatah Melayu berkata “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Perumpamaan ini bertujuan untuk mendidik anak dari peringkat muda lagi kerana bermula dari kanak-kanak pengertian alat muzik tradisional Gong dibentuk.

Selain itu, melalui perkongsian ilmu ini juga dapat perluaskan pembuatan alat muzik Gong ke seluruh tempat. Negeri yang kaya dengan peralatan warisan budaya yang tinggi akan menarik minat kepada pelancong lain untuk berkunjung ke kawasan tersebut. Perkongsian ilmu ini akan menjadikan salah satu podium utama bagi generasi-generasi sekarang untuk memartabatkan warisan alatan muzik tradisional di Sabah khusus alatan muzik tradisional Gong. Malahan, perkongsian Kerjasama antara agensi yang lain ke agensi besaran membolehkan pusat petempatan alat muzik tradisi Gong lebih terkenal. Hal ini dikatakan kerana, sememang pusat petempatan alat muzik tradisional Gong di Kg Sumangkap cukup terkenal di Matunggong, Kudat atau daerah berdekatannya, namun ia belum cukup terkenal di seluruh daerah yang atau di mata masyarakat yang kurang meminati konsep tradisional dalam diri mereka. Dengan itu, kepekaan untuk meneruskan legasi pencinta alatan tradisional

haruslah dilakukan oleh pihak-pihak agensi besar untuk berkolabarsi untuk menghasilkan perkongsian ilmu yang berguna kepada masyarakat di luar sana.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.3.3 Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Semasa pengkaji menjalankan kajian ini, didapati bahawa masih ramai yang belum mengenal keberadaan alat muzik Gong ini. Malah, masih ramai segelintir masyarakat yang kurang mengamalkan kesenian warisan ini terutamanya generasi pada masa kini. Bukan itu sahaja, alat muzik tradisi Gong ini juga kian dimainkan masyarakat pada kini, dan alat muzik tradisi Gong ini hanya dimainkan sewaktu melakukan kegiatan perayaan Pesta Kaamatan, Keramaian dan Perkahwinan. Ini telah membuatkan pengkaji untuk lebih menekankan golongan masyarakat masa kini untuk harus lagi memartabatkan alat muzik Gong ini, “Tanpa kita, siapa lagi yang menyambung legasi ini”. Dengan itu, melalui cadangan kajian ini, ia membolehkan penyelidikan menjadi lebih ke arah konteks spesifik dan bidang kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa kaedah cadangan yang terbaik untuk mengekalkan warisan kesenian ini agar alat muzik tradisi Gong ini terus dijadikan sebagai lanjutan kajian.

Bagi memastikan pengkaji mampu mendapatkan maklumat dengan data yang tepat, pengkaji perlulah membuat perancangan sebelum menjalankan sesbuah kajian. Sehubungan dengan itu, pengkaji haruslah menerapkan sifat kecekapan dan ketelitian yang baik dalam menyelesaikan apa jua masalah yang berlaku. Ini bertujuan membentuk diri untuk lebih matang dalam perkara-perkara yang tidak dijangka berlaku. Sebagai contohnya, pengkaji wajip melakukan perancangan seperti membuat soalan terlebih dahulu berdasarkan dengan objektif utama yang telah pengkaji bahaskan agar kajian pengkaji tidak terpesong ke arah lain sekaligus informan mudah untuk menjawap soalan-soalan tersebut. Bagi mengukuhkan lagi cadangan kajian, pengkaji harus melakukan temu bual dan dapatkan maklumat responden bersesuaian dengan objektif kajian. Perancangan ini dibuat untuk memastikan kajian sejajar dengan perancangan yang dilakukan oleh pengkaji, malah kajian ini akan terus dijalankan oleh generasi seterusnya.

Di samping itu, kajian haruslah dilakukan dengan menggunakan kaedah pembelajaran inkuiiri dalam penemuan hasil dapatan kajian yang berbeza untuk digunakan dalam kajian. Kaedah ini membolehkan aktiviti penyelidikan terbimbing sebagai pemboleh ubah tidak tersandar. Akan tetapi, terdapat juga cara aktiviti lain yang boleh dikaji secara keberkesanan penggunaannya seperti penyelidikan terbuka dan eksplorasi terhadap kajian yang dilakukan. Melakukan kajian aktiviti pembelajaran inkuiiri akan memperolehi kajian bandingan dengan penyelidikan yang lain. Tambahan pula, menganalisis perbezaan dan persamaan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam akan memberikan hasil dapatan yang bebeza dalam kajian lanjutan penyelidikan. Ini kerana, kemahiran aktiviti dan aras pengetahuan dalam tinjauan penyelidikan terbuka, penyelidikan terbimbing dan penyelidikan terbuka adalah berbeza di antara satu sama lain, namun kaedah tersebut akan memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian secara sistematik dan berkala. Kaedah pembelajaran yang lain seperti pembelajaran berasaskan berkumpulan juga adalah salah satu daripada sistem pembelajaran yang membolehkan hasil dapatan kajian yang tepat dan memudahkan pengkaji sendiri.

5.4 RUMUSAN

Pada dasarnya, bab ini lebih tertumpu kepada perbincangan keseluruhan bagi kajian teknik-teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong khususnya di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini merupakan pengenalan asas kepada alat muzik tradisional Gong dan ianya perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi bagi kepentingan bersama. Dalam bab ini juga, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang membolehkan pengekalan warisan ketara Gong ini dalam kalangan suku kaum etnik Rungus di Matunggong, Kudat. Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap bahawa kajian ini mampu membuka mata masyarakat di luar tentang kepentingan terutama dalam bidang pembuatan alat muzik tradisional Gong. Di tambah, kajian ini boleh dijadikan teladan dan rujukan kepada pelbagai pihak atau lapisan masyarakat mengenai kepentingan mengekalkan pembuatan alat muzik tradisional Gong.

RUJUKAN

Gifa Delyani Nursyafitri, (2021), *KENALI PENGERTIAN ANALISIS DATA MENURUT PARA AHLI, YUK!* Diterbitkan oleh Yayasan Multimedia Nusantara & Xeratic. <https://dqlab.id/kenali-pengertian-analisis-data-menurut-para-ahli-yuk>

Osman Lisut, (2020), *GONG PUNCA REZEKI RAKYAT SABAH*, Diterbitkan Berita Harian (BH), New Straits Times Press (M) Bhd. <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/wanita/lain-lain/2020/01/643929/gong-punca-rezeki-rakyat-sabah>

Ronal F. Clayton, Amutha, (2017), *APA ITU PERSAMPELAN*, Diterbitkan oleh PdfCoffee. <https://pdftcoffee.com/apa-itu-persampelan-pdf-free.html>

Anonymous, (2015), *WARISAN KETARA DAN WARISAN TIDAK KETARA*, diterbitkan oleh YuszaidyHeritage. <https://yuszaidyheritage.blogspot.com/2015/09/warisan-ketara-dan-warisan-tidak-ketara.html?m=1>

Blogger, (2013), *ALAT MUZIK TRADISIONAL RUNGUS*, Diterbitkan oleh Blogspot. <https://perkongsianinfo.blogspot.com/2013/06/alat-muzik-tradisional-rungus.html?m=1>

Namri Sidek, (2019), *5 JENIS ALAT MUZIK TRADISIONAL ORANG MELAYU*, Diterbitkan oleh Iluminasi. https://ilumasi.com/bm/5-jenis-alat-muzik-tradisional-orang-melayu.html#google_vignette

Intan Mas Ayu Shahimi, (2019), *ARENA MARTABATKAN SAPE*, Diterbitkan oleh Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
<https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/hati/2019/03/433842/alena-martabatkan-sape>

Khaiz Empire, (2023), *ALAT MUZIK DI SABAH*, Diterbitkan oleh Sabah Creative Economy & Innovation Centre (SCENIC). <https://scenic.my/alat-alat-muzik-tradisional-di-sabah/>

Chong Cheng Yang, (2023), *ALAT MUZIK TRADISIONAL KAUM KADAZANDUSUN*, Diterbitkan oleh Chong Cheng Yang. <https://www.scribd.com/doc/55065844/Alat-Muzik-Tradisional-Kaum-Kadazandusun>

Recqueal Raimi, (2017), *ALUNAN MERDU SERULING BULUH*, Diterbitkan oleh Harian Metro, New Staits Times Press (M) Bhd.
<https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2017/12/289332/alunan-merdu-seruling-buluh>

Orang Sabah, (2012), *ALAT MUZIK TRADISIONAL SERULING*, Diterbitkan oleh Orangsabahan.Blogspot.Com.

https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&opi=89978449&url=http://orangsabahan.blogspot.com/p/seruling.html%3Fm%3D1&ved=2ahUKEwjJrpGUhfP_AhUPe94KHQG TBggQFnoFnoECAwQ&usg=AOvVaw3TlbHGjHlvRoqro36JZVh

Dewiana Tinggolongan, (2016), *GONG PELENGKAP TRADISI PERKAHWINAN*, Diterbitkan oleh BH, New Straits Times Press (M) Bhd.
<https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bhplus-old/2016/02/126456/gong-pelengkap-tradisi-perkahwinan>

Aziz Mutahlli, (2023) *TEORI PERUBAHAN KURT LEWIN*, Diterbitkan oleh AzizMutahlli. Scribd Inc. <https://www.scribd.com/document/4532883701/teori-perubahan-kurt-lewin>

Mohd Anuar Ramli, University of Malaya, Malaysia (2018), *CONTOH KERTAS KERJA CADANGAN PENYELIDIKAN*, Diterbitkan oleh Academia. Edu. https://www.academia.edu/36190759/CONTOH_KERTAS_KERJA_CADANGAN_PENYELEIDIKAN

Nazrin. (2009), *KEMAHIRAN REKA CIPTA PENDOKUMENTASIAN*, Diterbitkan oleh Blogspot.com. <https://pertukangan.blogspot.com/2009/04/pendokumentasian.html>

Sarah Hanisah. (2023), *CADANGAN TINDAKAN KAJIAN LANJUTAN*, Diterbitkan oleh Scribd.com. <https://www.scribd.com/doc/238640173/Cadangan-Tindakan-Kajian-Lanjutan>

LAMPIRAN A**SOALAN TEMU BUAL/INTERVIEW**

Objektif 1 - Mengenalpasti sejarah alat muzik tradisional Gong dalam kalangan suku kaum etnik Rungus di Kudat, Sabah.

1. Apakah sejarah/asal usul alat muzik tradisi gong bagi suku kaum Rungus?
2. Bagi suku kaum Rungus, adakah asal usul alat muzik tradisi gong mempunyai simbol kepercayaan mistik/lain sehingga terhasilnya alat muzik tradisi gong ini?
3. Siapakah orang pertama yang menemukan cara penghasilan alat muzik tradisi gong ini dalam kepercayaan suku kaum Rungus? Jika ada, bolehkah tuan/puan memberitahu nama tokoh tersebut.
4. Mengikut pengetahuan luas tuan/puan tentang alat muzik tradisi gong ini, apakah pengertian tuan/puan tentang alat muzik tradisi gong ini dalam suku kaum Rungus pada masa dahulu hingga kini? 5. Mengapakah alat muzik tradisi gong dihasilkan pada masa dahulu oleh suku kaum Rungus? Apakah faktor utamanya?

Objektif 2 - Menghuraikan proses teknik pembuatan alat muzik tradisional Gong dalam kalangan suku kaum etnik Rungus di Kudat, Sabah.

1. Bagaimanakah cara membuat alat muzik tradisi gong dengan gaya dan teknik yang digunakan pakai oleh suku kaum Rungus?
2. Apakah jenis bahan/materials yang digunakan dalam membuat alat muzik tradisi gong ini? Adakah menggunakan bahan Tembaga/Gangsa/Zink?
3. Berapa lamakah tempoh penghasilan alat muzik tradisi gong ini disiapkan?
4. Adakah menghasilkan alat muzik tradisi gong sukar dilakukan oleh tuan/puan atau masyarakat di sini?
5. Apakah cabaran utama tuan/puan dalam membuat alat muzik tradisi gong ini?

6. Adakah pembuatan alat muzik gong bagi suku kaum Rungus hanya terdapat di sini atau mempunyai di kawasan yang lain?

7. Adakah teknik atau cara pembuatan alat muzik tradisi gong adalah idea kreativiti sendiri atau telah dicampur aduk dengan kaedah pembuatan alat muzik gong suku kaum yang lain?

Objektif 3 - Mengetahui repertoire jenis-jenis lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik Gong dalam kalangan etnik Rungus di Matunggong Kudat, Sabah.

1. Kita maklum alat muzik tradisi gong ini begitu banyak menghasilkan muzik-muzik indah. Oleh itu, saya ingin menanyakan, apa nama khusus lagu-lagu/ muzik/melodi yang dimainkan semasa menggunakan alat muzik gong ini dalam suku kaum Rungus?

2. Berikut juga pertanyaan umum, adakah muzik/melodi gong ini masih diguna pakai semasa upacara perkebumian bagi suku kaum Rungus?

3. Adakah alat muzik tradisi gong ini digunakan dalam aktiviti seperti memanggil semangat roh-roh jahat pada masa dahulu bagi suku kaum Rungus?

HARAPAN

1. Apakah harapan tuan/puan untuk memartabatkan atau memajukan lagi pusat pembuatan alat muzik tradisional gong ini?

2. Bagaimana tuan/puan untuk menarik minat khusus generasi sekarang dalam menggemari alat muzik tradisi gong agar ia tidak hilang oleh arus teknologi sekarang?

LAMPIRAN B



Pengkaji bersama penggiat seni Alat Muzik Tradisional Gong, Encik Ronny Mourir

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Pengkaji di Kampung Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Peta petempatan pembuatan Alat Muzik Tradisional Gong Kg, Sumangkap

Matunggong, Kudat Sabah

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Nama syarikat kawasan kajian pembuatan Alat Muzik Tradisional Gong, Ronny gong Making

Sumber: Kajian Lapangan 2023




Menemu bual bersama penggiat seni Alat Muzik Tradisional Gong, Encik Ronny Mourir

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Penggiat seni sedang melakukan proses pembuatan Alat Muzik Tradisional Gong (Sayap Gong)

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Risalah pengetahuan tentang Gong Making Kg, Sumangkap Matunggong, Kudat Sabah

Sumber: Kajian Lapangan 2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN